

**OPERASI SMART PATROL NEGERI PERAK BIL. 1/2022  
ANJURAN PROJEK IMPROVING CONNECTIVITY IN THE  
CENTRAL FOREST SPINE LANDSCAPE (IC-CFS)**

Disediakan oleh: Dr. Agkillah Maniam  
State Project Coordinator IC-CFS

**IPOH, 14-18 MAC 2022**

Seramai 20 orang pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) yang terdiri daripada 15 orang pegawai daripada Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak, 3 orang pegawai daripada Seksyen Penguatkuasaan dan Operasi Hutan dan seorang pegawai daripada Pejabat Hutan Daerah Kuala Kangsar telah menjalankan satu Operasi Penguatkuasaan SMART Bil. 1/2022 di Hutan Simpan Amanjaya dan Hutan Simpan Banding di Hulu Perak, Perak dari 14 hingga 18 Mac. Operasi ini juga telah dijalankan secara kerjasama dengan Jabatan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) yang sudah mempunyai pengalaman dalam menggunakan sistem yang sama.

Operasi ini adalah selaras dengan salah satu sasaran projek *Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape (IC-CFS)* dalam menyelaraskan sistem yang digunakan untuk tugas-tugas pemantauan dan Penguatkuasaan supaya agensi-agensi yang berkaitan seperti JPNPk dan PERHILITAN dapat berkongsi data. Objektif operasi ini adalah untuk menggunakan sistem SMART bagi operasi penguatkuasaan di lapangan.

Operasi yang telah dijalankan adalah seolah operasi masa nyata, di mana pasukan melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan di landskap yang sebenar. Sebelum menjalankan operasi di lapangan, pasukan penguatkuasa yang terlibat telah diberikan satu kursus 'refresher' berkaitan dengan sistem SMART tersebut di mana model dan kriteria data telah ditekankan semula.

Para peserta dibahagikan kepada dua kumpulan dimana setiapnya diketuai oleh Renjer Perhutanan sebagai ketua pasukan rondaan dan dibantu oleh Renjer PERHILITAN sebagai fasilitator sistem SMART. Para peserta telah menjalankan 4 rondaan di 4 lokasi, diikuti dengan kemasukan data semasa sesi yang diadakan pada sebelah petang atau malam. Semua peserta telah didedahkan dengan peranan yang berbeza dalam pasukan rondaan semasa menjalankan penguatkuasaan menggunakan SMART. Aktiviti itu juga diakhiri dengan sesi di mana pasukan dikehendaki melengkapkan analisis SWOT mengenai penggunaan SMART oleh pasukan penguatkuasa di Jabatan Perhutanan Negeri Perak, serta refleksi dan latihan sumbang saran strategi ke hadapan.



Kursus 'refresher' di Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak, Gerik, Perak



Perjalanan ke Pulau Tali Kail



Perbincangan di antara kakitangan JPNP dan PERHILITAN



Pasukan Operasi SMART Negeri Perak Bil. 1/2022 bergambar sebelum melaksanakan operasi tersebut



Pelaksanaan operasi di lapangan



Pelaksanaan operasi di lapangan



Pasukan rondaan dan Penguatkuasaan SMART memasukkan data ke dalam sistem



Pasukan rondaan dan Penguatkuasaan SMART memasukkan data ke dalam sistem